

**Malay ab initio – Standard level – Paper 1**  
**Malais ab initio – Niveau moyen – Épreuve 1**  
**Malayo ab initio – Nivel medio – Prueba 1**

Wednesday 4 May 2016 (afternoon)

Mercredi 4 mai 2016 (après-midi)

Miércoles 4 de mayo de 2016 (tarde)

1 h 30 m

---

**Text booklet – Instructions to candidates**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

**Livret de textes – Instructions destinées aux candidats**

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

**Cuaderno de textos – Instrucciones para los alumnos**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

Blank page  
Page vierge  
Página en blanco

Teks A

## Cina Peranakan Di Kelantan




- 1 Kelantan ialah sebuah negeri yang terletak di sebelah timur laut Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar penduduk Kelantan ialah orang Melayu. Namun ada juga sebahagian kecil masyarakat keturunan lain di Kelantan termasuk orang Siam dan Cina.
- 2 5 Jika anda pernah pergi ke Kelantan, pasti anda akan kagum dengan kaum Cina di Kelantan yang fasih berbahasa Melayu dialek Kelantan. Gaya hidup mereka juga sangat unik dan menarik. Menurut sejarah, masyarakat Cina mula pergi ke Kelantan sejak abad ke-17, dan dikatakan lebih awal daripada kedatangan kaum Cina di negeri Melaka. Orang Melayu Kelantan memanggil mereka Cina Kampung atau Cina Kelantan. Cina Benua atau Cina Bandar ialah panggilan untuk masyarakat Cina yang tinggal di bandar.  
10 Orang Cina Kelantan berada di 48 buah kampung, bermula dari Sungai Pinang hingga ke pekan Gua Musang dan sepanjang Sungai Kelantan.
- 3 15 Walaupun mereka berbangsa Cina, kebanyakan mereka memiliki warna kulit sawo matang seperti kulit orang Melayu. Mereka fasih berkomunikasi dalam bahasa Melayu dialek Kelantan. Mereka juga bertutur dalam bahasa Cina, iaitu dialek Hokkien bercampur bahasa Thai. Segelintir kecil generasi tua Cina Kelantan suka makan sirih pada waktu lapang. Ada juga antara orang Cina Kelantan yang belajar di sekolah aliran Melayu yang boleh menulis dan membaca dalam tulisan Jawi. Mereka bergaul rapat dengan rakan-rakan berbangsa Melayu sejak kecil lagi. Mereka suka makan budu, pandai bermain gasing dan gemar menonton persembahan wayang kulit seperti orang Melayu.
- 4 20 Namun begitu, ramai daripada generasi muda Cina Kelantan sudah berpindah ke kawasan bandar sekarang. Mereka tidak lagi gemar memakai kain batik atau sarung seperti orang tua mereka. Budaya dan adat resam yang diamalkan generasi tua kurang diamalkan dan semakin dilupakan oleh generasi muda Cina Kelantan akibat arus pemodenan di bandar-bandar besar sekarang.

Disesuaikan daripada *Kuntum* (2015)

Turn over / Tournez la page / Véase al dorso

Teks B

## Fotografi Makanan



Berikut ialah temu ramah antara seorang wartawan, Miza, dan seorang peminat fotografi, Asri Pamuncar.

Wartawan: Boleh perkenalkan diri saudara?

Asri: Nama saya Asri Pamuncar, seorang ibu yang gemar membuat kek, masakan, rempah-ratus dan fotografi. Saya warganegara Indonesia dan tinggal di Doha, Qatar.

Wartawan: Bagaimanakah kerjaya saudara dalam bidang fotografi bermula?

- 5 Asri: Saya suka mengambil gambar-gambar kek yang cantik, yang saya buat sendiri. Pada mulanya, saya mengambil gambar-gambar kek secara biasa sahaja. Lama-kelamaan, saya mahu gambar-gambar tersebut nampak lebih cantik seperti dalam majalah atau laman sesawang. Begitulah bermulanya kerjaya fotografi saya.

Wartawan: Dari mana saudara belajar mengambil gambar secara serius?

- 10 Asri: Oh, saya tidak pernah pergi ke sebarang kelas fotografi. Saya hanya membaca buku dan melayari laman sesawang. Saya mula mengikuti komuniti fotografi di laman [www.multiply.com](http://www.multiply.com) pada tahun 2008. Dari situ, saya sedar bahawa fotografi makanan bukanlah mudah. Mengambil gambar makanan merupakan suatu seni dan hal tersebut memerlukan banyak latihan untuk mendapatkan kemahiran yang baik.

- 15 Wartawan: Selain daripada kek, makanan apa lagi yang saudara suka ambil gambar-gambarnya?

Asri: Oh, saya juga suka mengambil gambar buah-buahan, sayur-sayuran dan minuman.

Wartawan: Adakah sesiapa yang membantu saudara dalam mengambil gambar makanan?

- 20 Asri: Sebenarnya, saya tidak mempunyai sebarang pengalaman bekerja dengan mana-mana pembantu. Saya melakukan semua kerja sendiri. Sayalah tukang masak dan sayalah jurugambar. Saya bekerja keras kerana minat yang mendalam dalam bidang ini. Ini hobi saya.

Wartawan: Apakah makanan yang paling susah untuk diambil gambarnya?

Asri: Minuman sejuk, terutamanya yang mempunyai soda dan kiub ais. Kita perlu mengambil gambarnya dengan cepat sebelum ais itu cair.

25 Wartawan: Apakah alat yang saudara gunakan untuk mengambil gambar yang baik?

Asri: Saya hanya gunakan kamera yang baik kualitinya. Saya tidak menggunakan pencahayaan studio profesional. Semua gambar yang saya ambil hanya menggunakan cahaya daripada tingkap sahaja. Selain daripada kamera, saya juga perlukan peralatan makan seperti sudu, garpu dan pisau sebagai perhiasan.

30 Wartawan: Apakah nasihat saudara kepada orang yang mahu menjadi jurugambar profesional seperti saudara?

Asri: Mereka perlu berlatih dengan rajin. Contohnya, mengambil gambar satu bahan yang sama daripada sudut (*angle*) yang berlainan, memberikan banyak pilihan dan mereka boleh pilih gambar yang tercantik. Mereka juga mesti pandai menggunakan efek cahaya untuk mendapatkan gambar yang baik. Lebih banyak mereka berlatih, lebih bagus gambar mereka!

35

Disesuaikan daripada *Foto Grafika* (2015)

Teks C

## Tragedi Di Cameron Highlands

Cameron Highlands



- 1 Pada hari Rabu, 5 November 2014, tragedi banjir dan tanah runtuh telah berlaku di tanah tinggi Cameron Highlands selepas hujan lebat turun tidak berhenti-henti. Dalam kejadian tersebut, lima orang mangsa terkorban dan lima orang mangsa lagi tercedera. Seorang daripada mangsa yang terkorban ialah pekerja kebun sayur di Lembah Bertam, Cameron Highlands. "Identitinya belum dikenal pasti lagi," kata Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri Pahang, Morni Mamat. Lebih 90 mangsa daripada 28 keluarga terpaksa dipindahkan dari kawasan bahaya. "Mereka tinggal di pusat pemindahan," terang beliau lagi.
- 2 Penerokaan tanah (*clearing of land*) secara haram adalah antara faktor berlaku banjir dan tanah runtuh di daerah tanah tinggi ini. Aktiviti haram tersebut boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur yang lebih serius pada masa hadapan, kata pensyarah geologi, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaluddin.
- 3 "Sekiranya hujan lebat berlaku, cerun (*slope*) bukit yang diteroka dan dibersihkan akan mula terhakis. Walaupun ada empangan air, jika hujan lebat berterusan dan kuantiti air terlalu banyak, maka empangan air tersebut tidak dapat lagi menyimpan kuantiti air yang banyak. Hal tersebut akan menyebabkan banjir besar berlaku," katanya lagi.
- 4 Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaluddin turut berkata ramai petani membersihkan tanah di kawasan bukit secara meluas untuk dijadikan ladang sayur-sayuran. Para petani meneroka tanah untuk dijadikan ladang sayur di tanah baru kerana tanah mereka yang sedia ada sudah tidak subur akibat penggunaan baja kimia yang merosakkan tanah. Penerokaan tanah secara meluas untuk pertanian dilakukan demi keuntungan.
- 5 Beliau meminta pihak kerajaan menghentikan projek penerokaan tanah secara haram untuk membantu mengawal tragedi banjir dan tanah runtuh.
- 6 "Cameron Highlands merupakan ikon pelancongan negara dengan muka bumi yang cantik serta udara yang sejuk. Kalau pihak berkuasa tidak peduli akan aktiviti penerokaan tanah secara haram ini, siapa lagi yang akan peduli? Pelancong mana yang mahu datang berkunjung ke Cameron Highlands lagi? Identiti Cameron Highlands sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di dalam dan luar negara akan 'terhakis' bersama kejadian banjir dan tanah runtuh seperti ini," kata beliau lagi.

Disesuaikan daripada [www.mstar.com.my](http://www.mstar.com.my) (2014)

Teks D

## Pemasaran Video Menggunakan YouTube



- 1 Pemasaran menggunakan YouTube atau yang lebih dikenali sebagai pemasaran video, adalah satu cara yang paling berkesan untuk berniaga. Anda boleh menempatkan video anda di YouTube dengan mudah. Anda boleh membuat akaun saluran YouTube anda dan ubahsuaiannya. Pemasaran perniagaan melalui YouTube sangat berkesan dan berkuasa.  
5
- 2 YouTube ialah laman web yang keempat paling banyak dilawati oleh rakyat Malaysia setiap hari. Jadi, jika ada perniagaan yang tidak menggunakannya, amatlah rugi. YouTube bukan sahaja membenarkan anda menonton video di laman web mereka, malah, anda juga boleh berkongsi video anda dengan seluruh dunia melalui laman web mereka. Ramai orang yang pandai mengeksploitasi YouTube untuk mengiklankan serta menjenamakan produk mereka.  
10
- 3 Kita boleh mencari wang melalui YouTube dengan berbekalkan talian internet dan komputer. Apabila kita melancarkan video pemasaran di YouTube, ia dapat menarik perhatian pengguna internet. Jika video kita baik dan berkesan, mereka mungkin menjadi pelanggan produk kita.  
15
- 4 Jika kita mempunyai suatu laman web yang mempunyai banyak video yang dimuat naik di dalamnya, pembukaan laman web tersebut akan menjadi sangat perlahan. Walau bagaimanapun, jika kita muat naik video tersebut dalam YouTube dan memberi pautan video tersebut dalam laman web kita, penggunaan ruang dan jalur lebar (*broadband*) kita akan berkurangan.  
20
- 5 Yang paling menariknya, sesiapa sahaja dapat menggunakan YouTube dengan percuma. Tiada bayaran dikenakan untuk memasukkan video ke dalam YouTube.
- 6 Pemasaran video melalui YouTube menjadikan laman web anda global. Hal tersebut demikian kerana video anda dapat dilihat oleh semua orang di seluruh dunia. Jika video anda menarik, kemungkinan besar video anda akan menjadi terkenal. Penonton di YouTube berkongsi video yang menarik dengan sesiapa sahaja termasuk ahli keluarga dan kawan-kawan mereka.  
25
- 7 Ramai orang [ - X - ] maklumat di pelbagai enjin carian di internet. YouTube juga merupakan satu tempat pengguna yang melayari [ - 36 - ] mencari maklumat dalam bentuk video. Contohnya, ramai yang mencari maklumat seperti tutorial dalam bentuk video. Hal tersebut menjadikan jumlah [ - 37 - ] yang mengunjungi laman web YouTube sangat tinggi. Jadi, terdapat potensi yang besar untuk video anda turut [ - 38 - ] oleh pelawat yang datang ke YouTube. Peniaga yang ingin membesarkan perniagaan mereka ke seluruh negara dan peringkat antarabangsa, tidak patut melepaskan peluang ini dan [ - 39 - ] video pemasaran mereka di YouTube dengan segera.  
30  
35

Disesuaikan daripada *ik Inspirasi Kejayaan*, Isu 19 (2015)